

- 1 I Abang Irfan tersenyum *besar* apabila melihat slip gajinya.
 II Rumah *besar* di atas bukit itu kepunyaan Tuan Haji Malik.
 III Li Jun masuk ke bilik guru *besar* kira-kira pukul 9:30 pagi tadi.
 IV "Biarlah Danish membuat keputusan sendiri kerana dia sudah *besar*," kata Encik Sufian kepada isterinya.
 A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

- 2 I Beberapa batang *jalan* di kawasan itu terpaksa ditutup kerana banjir.
 II Pemuda itu mencari *jalan* untuk menyelesaikan masalah keluarganya.
 III Mangsa kemalangan itu meninggal dunia dalam *jalan* ke hospital.
 IV Majlis Anugerah Kecemerlangan Murid itu *jalan* dengan lancarnya hasil kerjasama warga sekolah.
 A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

- 3 I Pokok durian di dusun datuk Adam sudah mula *berbunga*.
 II Penyajak biasanya menggunakan bahasa yang *berbunga* dalam karya mereka.
 III Kedua-dua tayar motosikal Abang Rafi masih *berbunga*.
 IV Pihak bank mengenakan kadar *berbunga* yang tinggi bagi pinjaman peribadi.
 A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

- 4 I Adik bongsu saya *duduk* di atas pangkuan ibu.
 II Sudah hampir 10 tahun mereka *duduk* di rumah itu.
 III Sejak peristiwa itu Rajiv selalu sahaja *duduk* termenung seorang diri.
 IV Rakyat hidup menderita sewaktu *duduk* Jepun di Tanah Melayu.
 A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
 B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

- 5 I Pintu bilik Taufik *terbuka* sejak tadi.
 II Peluang pekerjaan *terbuka* luas kepada anak-anak muda di kawasan itu.
 III Corak permaidani yang *terbuka* di ruang tamu rumah Puan Maria sungguh cantik.
 IV "Arwah moyang sayalah yang *terbuka* kampung ini dahulu," kata Pak Salleh kepada wartawan itu.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

- 6 I Beberapa orang penduduk di Kampung Tebing Tinggi terkejut apabila melihat *bekas* tapak kaki harimau di kawasan kampung mereka.
 II Puan Suraya membawa anak-anaknya berjumpa dengan *bekas* suaminya di sebuah restoran.
 III Bakul rotan ini *bekas* tangan seorang gadis kurang upaya.
 IV Segala nasihat Cikgu Maisarah *bekas* dalam hati Kumar.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

- 7 I Pokok bunga mawar di halaman rumah Puan Zaleha *lemah* kerana sudah lama tidak disiram.
 II Tekanan dapat *lemah* sistem pertahanan badan kita.
 III Dengan langkah yang *lemah*, budak lelaki itu berjalan perlahan-lahan menuju ke ruang tamu.
 IV "Orang yang *lemah* ketika membuat keputusan tidak boleh menjadi ketua," kata Encik Mansur.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

- 8 I Tentera Jepun sudah *mendarat* di Pantai Sabak, Kota Bharu, Kelantan.
 II Kapal terbang dari Seoul itu tidak dapat *mendarat* kerana kabus tebal.
 III Berita perkahwinan pelakon terkenal itu sudah *mendarat* ke seluruh negara.
 IV Setelah matahari *mendarat*, mereka pun meneruskan perjalanan.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
- 9 I Sisa makanan di dalam pinggan itu *hilang* dimakan Si Comel.
 II Lelaki itu melaporkan *hilang* anaknya kepada pihak polis.
 III Dompok Saufi *hilang* pada petang tadi.
 IV Bunyi motosikal itu semakin lama semakin *hilang* daripada pendengaran kami.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
- 10 I Harga getah sudah lama *merosot*.
 II Majalah itu mulai *merosot* penjualannya sejak tahun lepas.
 III Encik Hakimi terpaksa meletakkan jawatannya di syarikat itu kerana kesihatannya semakin *merosot*.
 IV Api pelita yang diletakkan oleh ibu di atas meja itu *merosot* lalu padam.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
- 11 I Tayar basikal adik semakin *susut* kerana tercucuk paku.
 II Badan Zulkifli semakin *susut* kerana terlalu kuat bekerja.
 III Pasaran saham ditutup rendah pada petang ini setelah *susut* 6.45 mata.
 IV Air sungai Pahang semakin *susut* apabila kemarau berpanjangan di negeri itu.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
- 12 I Penduduk Kampung Tualang Sekah bekerjasama memperbaiki rumah Pak Isa yang *muram* itu.
 II Sejak beberapa hari yang lalu, matahari tidak muncul-muncul menyebabkan suasana menjadi redup dan *muram* sahaja.
 III Wajah Encik Lukman Hakim sentiasa *muram* sejak perniagaannya mengalami kerugian.
 IV Ibu memandang wajah adik yang masih cuba menyembunyikan *muramnya* selepas menerima keputusan peperiksaan itu.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
- 13 I Puan Khadijah *terikat* buku-buku yang terdapat di dalam kotak itu dengan seutas tali.
 II Hati Abang Fikri sudah *terikat* dengan kelembutan gadis itu.
 III Murid-murid yang diberi biasiswa oleh syarikat swasta itu *terikat* dengan syarat-syarat yang dikenakan.
 IV Encik Asmadi melepaskan lembunya yang *terikat* pada sebatang pokok di belakang rumahnya.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
- 14 I Pertandingan mereka *kulit* hadapan majalah sekolah itu terbuka kepada seluruh warga sekolah.
 II Beg tangan buatan luar negara itu mahal harganya kerana diperbuat daripada *kulit* buaya.
 III *Kulit* muka Aqilah semakin licin sejak dia menggunakan krim yang dibelinya secara dalam talian.
 IV Kura-kura itu menyorok di dalam *kulitnya* apabila dipegang oleh Azim.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja